



PERANAN WATAK PERAN DALAM TEATER TRADISIONAL MAKYUNG: MAKYUNG RAJA BESAR MAHA GADING (2019)

MUHAMMAD AFFIZY BIN SHAARI

Universiti Kebangsaan Malaysia

DR. YUSMILAYATI YUNOS

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Artikel ini dikemukakan untuk mengenalpasti Peranan Watak Peran dalam Teater Tradisional Makyung: Makyung Raja Besar Maha Gading 2019. Cerita ini telah dilakonan oleh Fazlisham Bin Mat Hussin sebagai Peran Muda dan Romli Mat Rock sebagai peran tua. Objektif kajian ini adalah bermatlamat untuk mengetahui peranan Peran dalam teater tersebut. Selain itu, ianya turut menghuraikan jenis-jenis elemen jenaka dalam watak Peran, dan merumuskan kepentingan jenaka dalam watak Peran. Kajian ini telah menggunakan teori *Ralph Linton (The Study of Man, and Introduction, 1956)* bagi menghuraikan watak Peran dalam Teater Tradisional Makyung. Pengkaji telah menggunakan metodologi kajian jenis kualitatif iaitu kaedah kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Dengan menggunakan kaedah lapangan, Proses menghuraikan dan watak Peran ini dalam kajian pengkaji telah membuat pemerhatian dengan menonton persembahan teater tersebut yang bertempat di Istana Budaya, Kuala Lumpur pada 11 Oktober hingga 13 Oktober 2019 yang lalu. Seterusnya, kajian kepustakaan telah dijalankan dengan pencarian data di *Pangkalan Google Scholar* serta *My Cite*. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan bahan yang tepat dengan kajian yang dikaji. Selain itu, pengkaji juga mendapatkan bahan kajian dengan laman sesawang Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM dan laman sesawang Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM. Dalam kajian ini pengkaji berjaya mendapat hasil dapatan kajian yang baharu iaitu Peran berperanan sebagai tulang belakang dalam persembahan Makyung, sebagai penasihat raja, sebagai pemegang kunci cerita dalam persembahan, sebagai pengasuh diraja, dan sebagai tukang pelawak atau tukang berjenaka. Pengkaji juga telah merungkaikan elemen jenaka dalam watak peran iaitu elemen busana dan tatarias Peran sewaktu persembahan, elemen aksi Peran Muda meniru gaya berjalan Wak Nujum dan elemen ekspresi muka Peran di dalam persembahan. Pengkaji juga berharap dengan penghasilan artikel ini dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat dan golongan Sarjana mengenai Peranan Watak Peran dalam Teater Tradisional Makyung terutama teater Makyung Raja Besar Maha Gading 2019 yang dipilih di dalam kajian kes ini. Pengkaji juga berharap pada masa akan datang lebih banyak lagi penulisan artikel jurnal mengenai watak Peran dalam Teater Tradisional Makyung kerana kurang dihasilkan pada masa kini.

Kata kunci: Tradisi melayu, Ritual, Makyung, Peran, Teater Tradisional

ABSTRACT

This article is submitted to identify the Role of the Role in the Makyung Traditional Theatre: Makyung Raja Besar Maha Gading 2019. This story has been acted by Fazlisham Bin Mat Hussin as the Young Role and Romli Mat Rock as the old role. The objective of this study is to find out the role of Peran in the theater. In addition, it also describes the types of humorous elements in the Role character, and summarizes the importance of humor in the Role character. This study has used the theory of Ralph Linton (*The Study of Man, and Introduction, 1956*) to describe the role character in Makyung Traditional Theatre. The researcher has used a qualitative type of research methodology, which is the method of field research and literature research. By using the field method, the process of describing and characterizing this role in the study, the researcher has made observations by watching the theater performance which was held at Istana Budaya, Kuala Lumpur on 11 October to 13 October 2019. Next, bibliographic research was conducted by searching data on Google Scholar and My Cite databases. This method is used to obtain accurate material with the research being studied. In addition, the researcher also obtained research material from the website of the Tun Abdul Razak Library,

UiTM and the website of the Tun Sri Lanang Library, UKM. In this study, the researcher successfully obtained the results of a new study which is the role of acting as the backbone in the performance of Makyung, as an advisor the king, as the key holder of the story in the prayer, as a royal nurse, and as a comedian or joker. The researcher has also analyzed the elements of humor in the role, which are the elements of Peran's fashion and tatarias during the performance, the action element of Peran Muda imitating the walking style of Wak Nujum and the element of Peran's facial expression in the performance. The researcher also hopes that with the production of this article he can contribute to the community and scholars on the Role of Characters in Traditional Makyung Theatre, especially the Makyung Raja Besar Maha Gading 2019 theater that was selected in this case study. The researcher also hopes that in the future there will be more writing of journal articles about Roles in Makyung Traditional Theater because it is less produced at present.

Keywords: Malay tradition, Ritual, Makyung, Role, Traditional Theatre

PENDAHULUAN

Teater dalam konteks masyarakat adalah seni persembahan yang dipersembahkan dihadapan khalayak ramai. Teater dipersembahkan bertujuan sebagai pengisian untuk keperluan agama dan kepercayaan upacara dan perasmian, hiburan dan permainan, ritual dan penguatan pada zaman dahulu. Setiap perlakuan yang dipersembahkan merupakan medium komunikasi sesama mereka dan memberikan kefahaman kepada para penonton. Seni persembahan teater sering dikaitkan dengan pengerjaan bersama-sama serta sambutannya. Sambutan yang diterima akan menitik tolak kejayaan sesuatu persembahan. Sesebuah hasil seni persembahan hanya dapat dinikmati semasa ia dipersembahkan sahaja. Walaupun terdapat sesetengah persembahan dipersembahkan berkali-kali boleh berubah atau bertukar oleh faktor yang menguasai pemain. Seni persembahan merupakan pengalaman yang dapat menguji pencapaian intelek, emosi dan nilai hidup para pemain mahupun penonton.

Teater boleh didefinisikan sebagai lokasi persembahan-persembahan berbentuk seni yang dilakukan di hadapan penonton secara langsung dengan kombinasi pertuturan, gerak isyarat, muzik, tarian, bunyi dan lain-lain. Selain itu, seni teater turut diertikan sebagai tontonan atau pertunjukkan di khalayak ramai. Teater tradisional merupakan pentas seni kehidupan manusia yang hadir dan berkembang di suatu daerah dengan menyesuaikan kebudayaan daerah tersebut. Justeru itu, teater adalah kisah hidup atau drama kehidupan seseorang yang ditampilkan pada pentas secara percakapan, gerak geri, dengan atau tanpa dekor atau muzik, nyanyian, tarian. Untuk itu, teater tradisional di Malaysia adalah seperti Menora, Mekmulung, Randai, Makyung dan lain-lain.

Persembahan Teater Tradisional Makyung mempunyai struktur yang tersendiri. Bentuknya adalah sama dengan semua cerita yang dimainkan. Setiap cerita dalam persembahan Teater Tradisional Makyung mesti dimulakan dengan tarian Mengadap Rebab dimana watak utama akan mengetuai dalam nyanyian solo dan diikuti oleh korus. Para pelakon akan membuat gerak seni jari, bahu, dan badan sambil bernyanyi. Akhirnya mereka akan bangun secara perlahan-lahan dan salah seorang daripada mereka akan memulakan nyanyian solo. Terdapat beberapa orang Peran dalam cerita Makyung. Kebiasaannya Peran Tua akan memegang watak yang lebih penting daripada Peran Muda dan bertindak sebagai orang suruhan raja sepanjang watak itu dimainkan.

Makyung telah diangkat dan dimartabatkan menjadi seni warisan dunia. Makyung telah diiktiraf sebagai *A Masterpiece of the Oral and Intangible Heritage of Humanity* rakyat Malaysia oleh UNESCO (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*) pada 25 November 2005 kita rakyat Malaysia harus berbangga kerana inilah satu-satunya kesenian warisan nenek moyang kita diiktiraf diperingkat dunia. Seni persembahan Makyung, merupakan kesenian milik yang telah nenek moyang kita yang sedang mengalami zaman kepupusannya. Apabila telah diangkat dan diiktiraf ke satu tahap yang lebih tinggi, tentulah kita amat menyayangi kepada Seni Persembahan Makyung. Pengiktirafan yang amat besar tersebut menjadikan Makyung milik warisan masyarakat di Malaysia yang paling asli dan ini bertepatan dengan kewujudan tradisi Makyung sejak zaman dahulu lagi. (Salina Tapha, 2013).

Peran- terdapat beberapa orang Peran atau pelawak dalam cerita Makyung. Peran berperanan sebagai pengasuh raja, penasihat raja, sahabat raja, pemegang kunci cerita dan pelawak. Peran tua biasanya akan memegang watak yang lebih penting dari Peran- Peran yang lain. Peran yang lain adalah watak berjenaka sahaja. Peran sangat penting dalam persembahan Teater Tradisional Makyung kerana dengan adanya watak Peran persembahan dapat dijalankan dengan teratur kerana Peran adalah pemegang kunci cerita didalam persembahan Makyung tersebut. Watak Peran akan bermula dari awal persembahan hingga akhir persembahan bersama Raja atau Pakyung. Tanpa kehadiran Peran di atas pentas. Pakyung tidak mempunyai banyak peranan dalam persembahan tersebut.

Menurut Mohamed Ghouse Nasuruddin (2000), *Teater Tradisional Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, (halaman 40-60) menerangkan tentang Makyung dan elemen-elemennya, contohnya seperti sejarah perkembangan Makyung dan dari aspek persembahan yang bermula dari pentas, watak-watak, pakaian, latar hias dan cerita-cerita Makyung yang berasaskan legenda tempatan. Penulis juga ada menyentuh tentang aspek lakonan dalam Makyung yang menggunakan aksi persembahan yang menggabungkan unsur-unsur realisme dan bukan realisme. Jelaslah bahawa, beliau juga membincangkan Peranan penting muzik dan tarian dalam Makyung serta struktur persembahannya dan beliau juga ada menyentuh tentang Makyung Kedah yang telah lama dilupakan dan kesinambungannya dengan Makyung Kelantan di dalam buku ini.

Permasalahan yang dibincangkan adalah untuk mengetahui Peranan yang sebenar watak Peran dalam Teater Tradisional Mak Yong, dalam persembahan makyong, terdapat dua orang watak Peran iaitu Peran Tua dan Peran Muda. Meraka dianggap sebagai pelawak dalam persembahan makyong. Menurut Dr Ghulam-Sarwar watak Peran adalah sama penting dengan watak "*wise fool*" dalam drama Shakespeare atau watak Vidushaka dalam teater klasik India. Dalam konteks seni teater tradisional Asia Tenggara, kedua watak Peran ini boleh disamakan dengan watak Wak Dogol dan Wak Long dalam persembahan wayang kulit di negeri Kelantan (Jumilah Tahir, 2015).

Permasalahan seterusnya adalah untuk merumuskan kepentingan jenaka dalam watak Peran Teater Tradisional Mak Yong. Fungsi Peran yang pelbagai seperti yang dinyatakan di atas telah menjadikannya bukan sekadar pelakon sampingan kerana Peranannya yang sebenar adalah untuk menyerlahkan aura seni persembahan Makyong itu sendiri terutamanya dengan aksi-aksi jenaka mereka yang tersendiri. Elemen komedi yang dipersembahkan oleh watak Peran inilah yang sebenarnya menjadikan teater makyong menghiburkan dan dapat memikat hati setiap masyarakat.

SOROTAN LITERATUR

Mengikut tafsiran daripada Ghulam Sarwar (1994) didalam bukunya yang berjudul *Dictionary of Traditional South East Asian Theatre*, beliau menyatakan bahawa Makyong adalah sebuah teater tradisional Melayu zaman silam yang dipentaskan di dalam istana menggabungkan elemen-elemen ritual, lakonan, muzik, vokal, instrumental, nyanyian dan cerita dalam bentuk formal serta improvisasi. Makyong ini dipersembahkan di Kelantan dan Patani, dan Selatan Thailand. Beliau menyatakan bahawa Makyong pernah menjadi salah satu persembahan Diraja pada awal abad ke dua puluh. Persembahan Makyong ini masih berpegang pada asas - asas persembahan Makyong yang lama, salah satunya adalah tarian Mengadap Rebab. Jelaslah bahawa, setiap kali persembahan teater Tradisional Makyong akan dimulakan dengan tarian mengadap rebab kerana ianya merupakan perkara yang paling asas dalam teater tersebut.

Menurut Azhar Othman (2009), beliau menyatakan Makyong telah berasal dari Setiu, Terengganu. Teori ini telah dibuktikan oleh teori ketiga dalam buku yang bertajuk Mak Yong, ditulis oleh Jasman Ahmad dan Siti Zaiton (1996). Makyong merupakan salah satu kesenian melayu tradisional yang mempunyai nilai estetika yang sangat tinggi tidak dapat lari dari ancaman kepupusan pada masa kini. Drama Tari Makyong ini merupakan sebagai satu bentuk drama tari yang menggabungkan unsur-unsur ritual, lakonan dan tarian yang digayakan, muzik vokal dan instrumental lagu. Selain itu, cerita dan teks percakapan yang formal dan bersahaja. Terbuktilah bahawa, persembahan Makyong merupakan persembahan yang amat unik apabila yang menggabungkan unsur-unsur ritual, lakonan dan tarian yang digayakan, muzik vokal dan instrumental lagu.

Menurut Mohamed Ghouse Nasuruddin (1999) - Dewan Budaya, Julai "*Perkembangan Teater Makyong*" (hal 7-8) menceritakan tentang persembahan Makyong yang bermula sebagai teater istana dan berubah menjadi sebuah teater rakyat serta kesan ke atas corak dan struktur persembahannya. Jelaslah bahawa, beliau telah menerangkan bentuk persembahan yang dilakukan di istana dan membandingkannya dengan Makyong rakyat dan Makyong yang dipentaskan di bandar. Penulis juga menyentuh mengenai aspek simbolisme yang menjadi asas persembahan Makyong. Contohnya props yang mewakili setiap pelbagai simbol dan aksi-aksi simbolik yang digunakan untuk menyampaikan maklumat. Selain itu, beliau juga berbicara mengenai corak perubahan yang menggugat estetika dalam persembahan Makyong, seperti keluar masuk watak, penempatan pemuzik dan penamatan sesebuah persembahan Makyong. Jelas bahawa, Persembahan Makyong merupakan persembahan di dalam istana pada zaman dahulu, kini persembahan Makyong telah dikomersialkan menjadi persembahan tontonan rakyat.

Dalam Teater Makyong ini, peranan pertama yang telah dihasilkan oleh watak Peran adalah pemegang kunci cerita. Menurut Rahmah Bujang (2005) dalam buku "*Makyong Perspectives on Malaysia's Traditional Theatre*". Telah menyatakan peranan watak Peran sangat penting dalam persembahan Teater Tradisional Makyong kerana dengan adanya watak Peran persembahan dapat dijalankan dengan teratur kerana Peran adalah pemegang kunci cerita didalam persembahan Makyong tersebut watak. Terbuktilah bahawa, tanpa kehadiran watak peran dalam pementasan Teater Tradisional Makyong, watak Pakyung akan mengalami kurang cerita kerana pemegang kunci cerita adalah watak Peran. Oleh itu, Peran akan Bersama Pakyung dari awal persembahan Makyong hingga akhir persembahan Makyong.

Di dalam buku yang bertajuk "*Peran Mak Yong: Pelakon dan Watak*", Rosdeen Suboh (2005), telah melakukan kajian terhadap watak dalam seni persembahan Mak Yong. Dalam kajian ini penulis memberi tumpuan secara terperinci dalam aspek seperti asal-usul, fungsi watak, dan keperluan-keperluan pelakon terhadap persembahan. Menurut Rosdeen Suboh (2005) Peran Mak Yong merupakan ahli pelawak yang penting dalam persembahannya. Sifat humour Peran Mak Yong telah meliputi elemen persembahan seperti lakonan, busana, solekan, dan prop. Penulis juga membuat perbandingan fungsi Peran dalam dua persembahan Mak Yong, iaitu bentuk Mak Yong biasa dan main Puteri Makyong. Beliau juga mendapati bahawa Peran mempunyai pelbagai fungsi, iaitu sebagai pengasuh, hamba dan pesuruh raja atau orang suruhan raja. Dari aspek busana pula, berlaku perubahan melalui proses kreativiti pelakon yang memainkan watak tersebut. Iaitu golok yang diperbuat daripada kayu atau papan yang berfungsi sama seperti parang biasa. Jelaslah bahawa, Peran juga berperanan sebagai tukang berjanaka atau pelawak, ini juga merupakan peranan yang amat penting dalam persembahan sesebuah Teater Tradisional Makyong.

Menurut Lisa Trahair (2012), telah mengatakan slapstik dianggap komedi rendah berbanding dengan yang mengambil kesempatan dialog melalui akal dan yang indiran. Komedi slapstik bergantung pada pergerakan dan tidak masuk akal. Habsah Mohd Noordin (1999), dalam bukunya Mak Yong Kelantan: Satu Kajian Estetika Seni telah melihat seni persembahan Mak Yong sebagai sebuah teater tradisional yang mempunyai keunikan tersendiri. Keunikan Mak Yong disifatkan sebagai seni persembahan yang luar biasa kerana mempunyai nilai estetika seni yang unik sehingga menimbulkan pelbagai keindahan yang lain. Dapat disimpulkan bahawa watak di dalam seni persembahan Mak Yong iaitu watak Peran telah dapat menimbulkan unsur estetika dengan cara tersendiri sehingga dapat membuatkan penonton gembira melihat persembahan tersebut. Watak Peran di dalam Mak Yong dapat menghidupkan cerita tersebut kerana lawak yang dibawa olehnya boleh diterima. Jelaslah bahawa, dengan kehadiran watak Peran sebagai tukang jenaka atau pelawak menjadi salah satu faktor membuatkan persembahan Teater Tradisional Makyong bertambah meriah kerana penonton akan gembira melihat persembahan tersebut.

Menurut Auley (2006), komedi slapstick banyak menggunakan pergerakan yang dapat membuat penonton ketawa dengan tingkah laku yang dibuat secara spontan mahupun dibuat-buat. Dalam persembahan teater tradisional Mak Yong, watak Peran merupakan salah satu watak yang sangat penting selain watak Pak Yong (raja). Peran akan membawa perwatakan yang lucu. Unsur jenaka akan sering diketengahkan oleh Peran Tua dengan Peran Muda dan ketika berhadapan dengan Pak Yong (raja). Walaupun watak Peran dalam persembahan adalah humor tetapi ianya mempunyai kepentingan, kelebihan dan kekuatan yang tersendiri. Selain mengetengahkan unsur jenaka, watak Peran ini berperanan sebagai penggerak cerita. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bagi memberikan informasi mengenai tujuan utama watak Peran dalam persembahan teater tradisional Mak Yong. Terbuktilah bahawa, pergerakan dan aksi watan Peran dalam persembahan Teater Tradisional Makyung merupakan elemen jenaka yang akan mencuit hati penonton apabila menonton persembahan tersebut.

Menurut Penulisan Hamidah Yaacob (1982) Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan II, Beberapa Aspek Hiburan Tradisional Kelantan, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Istana Jahar Kota Bharu, Kelantan menyatakan bahawa persembahan teater Makyung sangat terkenal di Kelantan pada masa dahulu. Menurut orang-orang tua, persembahan teater Makyung ini telah ada sebelum Long Yunus memerintah negeri Kelantan lagi. Persembahan Makyung meliputi drama, tarian, nyanyian dan unsur-unsur komedi. Teater Makyung dipersembahkan sebahagian besarnya di istana, iaitu di balai raja. Semua bahagian penting dalam cerita Makyung dilakokan oleh perempuan. Hanya dua orang lelaki sahaja yang memegang watak bahagian dalam cerita itu, iaitu menjadi orang kelakar atau orang lawak. Alat bunyi bunyian dalam permainan Makyung ialah sebatang serunai, dua buah gendang ibu dan anak, dua buah gong ibu dan anak dan sebuah rebab. Rebab merupakan alat muzik yang paling penting dalam persembahan teater Makyung kerana ia bertindak sebagai ketua muzik. Pertunjukan Makyung dimulakan dengan upacara menghadap rebab. Pakyung akan duduk berhadapan dengan pemain rebab dan di belakangnya diikuti oleh permaisuri dan dayang-dayang istana. Pakyung menyanyi dan diikuti pula dengan tarian yang beransur kepada bangun dan akhirnya berdiri tegak. Pada setiap rangkap nyanyian Pakyung tadi dihiaskan suara latar atau nyanyian beramai-ramai pelakon wanita lain. Dalam setiap lakonan yang hendak dimulakan dan dipersembahkan, sudah menjadi suatu adat bagi Pakyung yang terlebih dahulu memanggil seorang daripada dua ahli lawak (Peran). Jelaslah bahawa, watak Peran adalah watak yang amat penting dalam sesebuah pementasan Teater Tradisional Makyung sehingga dianggap sebagai pemegang kunci cerita kerana Peran akan berada di atas pentas dari awal persembahan hingga akhir pementasan.

TEORI PERANAN

Ralph Linton (27 Februari 1893-24 Disember 1953) beliau merupakan seorang ahli antropologi Amerika Syarikat yang dihormati pada pertengahan abad ke-20, penulisan beliau yang terkenal adalah *The Study of Man* (1936) dan *The Tree of Culture* (1955). Antara sumbangan beliau yang utama Linton terhadap antropologi ialah menentukan perbezaan antara status dan peranan.

1. Peranan nyata (*Anacted Role*) adalah suatu cara yang betul-betul dijalankan seseorang dalam menjalankan sesuatu peranan.
2. Peranan yang dianjurkan (*Prescribed Role*) adalah cara yang diharapkan masyarakat dari kita dalam menjalankan peranan yang tertentu.
3. Konflik peranan (*Role Conflict*) adalah suatu kondisi yang dialami seseorang yang menduduki sesuatu status atau lebih yang menuntut harapan dan tujuan peranan yang saling bertentangan satu sama lain.
4. Kesenjangan Peranan (*Role Distance*) adalah Pelaksanaan Peranan sesuatu emosional.
5. Kegagalan Peran (*Role Failure*) adalah kegagalan seseorang dalam menjalankan peranan tertentu.
6. Model peranan (*Role Model*) adalah seseorang yang tingkah lakunya kita contoh, tiru, dan diikuti.
7. Rangkaian atau lingkup peranan (*Role Set*) adalah hubungan seseorang dengan individu lainnya pada saat dia sedang menjalankan perannya.
8. peranan (*Role Strain*) adalah kondisi yang timbul bila seseorang mengalami kesulitan dalam memenuhi harapan atau tujuan peranan yang dijalankan adanya ketidakserasian yang bertentangan satu sama lain.

METODOLOGI

Kaedah pencarian secara menyeluruh telah dilakukan oleh pengkaji di dalam penyelidikan ini. Pengkaji telah menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Dengan menggunakan kaedah kepustakaan pengkaji telah mendapatkan bahan-bahan yang tepat dan berkualiti mengikut kehendak kajian di pengkalan data jurnal yang utama iaitu *Google Scholar* dan *My Cite* untuk mempelbagaikan lagi bahan bacaan. Pengkaji juga telah menggunakan pengkalan data sampingan seperti laman sesawang Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM dan laman sesawang Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM dan sebagainya. Dengan menggunakan pencarian menyeluruh melalui pengkalan data utama dan sampingan ini sudah mencukupi kerana kajian ini hanya ingin melihat Peranan Watak Peran dalam Teater Tradisional Makyung: Makyung Raja Besar Maha Gading (2019) yang hanya tertumpu di dalam negara sahaja. Kaedah kajian lapangan juga telah digunakan dalam kajian ini. Untuk mengukuh lagi kajian dalam pengumpulan data, pengkaji juga telah membuat kajian lapangan pada 11 Oktober hingga 13 Oktober 2019 tahun lalu yang bertempat di Istana Budaya, Kuala Lumpur.



Rajah 1: Peranan Peran dalam Teater Tradisional Makyung

Peranan Peran dalam Teater Tradisional Makyung sebagai individu

Setelah pengkaji meneliti dalam pernyataan masalah di dalam kajian kes ini iaitu Peranan Watak Peran Dalam Teater Tradisional Makyung: Makyung Raja Besar Maha Gading 2019. Menurut Rahimidin.2011. Watak Peran mempunyai peranan yang lebih penting daripada watak utama dalam persembahan Teater Tradisional Makyung tersebut iaitu Pakyung. Tanpa watak Peran Raja atau Pakyung tidak mempunyai mempunyai banyak peranan yang mempengaruhi setiap jalan cerita yang disampaikan melalui watak Peran. Dengan kata mudah watak Peran boleh dianggap sebagai tulang belakang dalam persembahan Makyung dan Peran juga dianggap pemegang kunci cerita dalam sesebuah persembahan Makyung.

Seterusnya peranan Peran kedua adalah Penasihat Raja. Mengikut teori Ralph Linton, 1953 (*Anacted Role*) adalah suatu cara yang betul-betul dijalankan seseorang dalam menjalankan sesuatu peranan. Menurut Abdul Wahab Othman (2011) dalam buku Hakikat Peran Dalam Makyung Telah membuktikan Peran berperanan sebagai Penasihat Raja. Di dalam persembahan Teater Tradisional Makyung Raja Gondang, apabila isterinya Raja sebiji gondang. tidak melahirkan anak manusia lalu menghalau isterinya dari istananya. Maka Raja berpaling bertanya kepada pengasuh akan Tindakan dirinya itu, Kata Pengasuh Tua:

*Patik minta ampun Tuanku
Sebenarnya, tak berani nak campur urusan
Keluarga Tuanku
Tetapi apabila Tuanku bertanya.
Beranilah patik mendatangkan sembah.
Pada masa lo ni
Hati Tuanku murih
Perut Tuanku Marah
Darah Tuanku panas Sehingga katak tibam, Hambat Halau
Makcik Permaisuri dengan gondang sebutir. Tidak mengapalah Tuanku,
Akan tetapi patik takut Apabila perut Tuanku tak marah
Hati Tuanku tak murih
Darah Tuanku tidak panas Tuanku menyesal pun
Tak dok guna dah*

(2011. m.s32)

Berdasarkan petikan dialog diatas, terbukti setiap apa masalah atau pendapat raja akan berhubung dengan watak Peran terlebih dahulu kerana Peran tinggal berdekatan dengan Raja atau Pakyung. Di sini membuktikan peran adalah seorang Penasihat Raja. Apa bila peran menerima pertanyaan daripada Raja dan dapat menjawab pertanyaan daripada raja apabila menyuruh Raja bertenang terlebih dahulu apabila dalam keadaan marah terhadap isterinya yang melahirkan bukan anak manusia. Selain itu, peranan ketiga watak Peran adalah Pengasuh Raja. Menurut Abdul Wahab Othman (2011) dalam buku Hakikat Peran Dalam Makyung. Jelas mengatakan peranan Peran sebagai Pengasuh Raja. Dalam persembahan Teater Tradisional Makyung Raja Gondang Dewa Muda telah menghalau Peran Tua kerana tidak dapat menjawab pertanyaan, "siapakah ayah ambo yang sejati bonda ambo yang sebenar? Peran Tua keluar meniggalkan istana. Semasa Dewa Muda halau keluar tersebut. berkatalah Peran Tua:

*Iya iya Dewa Muda:
Salah seka kepada jangka
Aku asuh puitmu
Daripada kecil sehingga ke besar
Berbuah dengan siku
Deko dengan tangan.
Aku tanu tana mu
Seperti minyak yang penuh
Sehingga mu bersetul dengan pipi
Berlurah dengan dada
Dengan sebab hal yang kecil
Ini pun, mu sanggup halau godam palu.*

(2011, m.s23)


Di sini pengkaji membuktikan Peran adalah seorang Pengasuh Raja dalam persembahan Teater Tradisional Makyung. Selepas Peran Tua pergi meninggalkan istana Dewa Muda telah menjadi sunyi seperti seperti negeri dilanggar perang, sehingga ayam tidak berkokok, dan lembu tidak berteboh.

Peranan Watak Peran Teater Tradisional Makyung dalam Masyarakat Melayu

Peranan keempat peranan watak Peran adalah Pelawak atau Tukang berjenaka. Menurut Abdul Wahab Othman (2011) dalam buku Hakiyat Peran Dalam Makyung. Jelas membuktikan dari awal persembahan hinggalah ke akhir persembahan Peran membuat orang ketawa apabila Peran muncul diatas pentas dengan pelbagai aksi yang mencuit hati apabila berdua hendak menghadap Raja atau Pakyung pelbagai tipu helah yang dilakukan oleh kedua-dua Peran tersebut. Dengan watak Peran sebagai Pelawak telah mencantikkan perjalanan persembahan Teater Tradisional Makyung. Pelbagai jenis elemen jenaka yang ditunjukkan kepada penonton seperti busana dan tatarias, Aksi dan pergerakan dan Pengucapan dialog dalam persembahan. Disini pengkaji membuktikan bahawa watak Peran juga berperanan sebagai Pelawak atau Tukang Jenaka dan Berjaya menambat hati penonton yang hadir dalam menyaksikan persembahan Teater Tradisional Makyung. (Othman, 2011).

Elemen jenaka watak Peran dalam Persembahan Teater Tradisional Makyung

Dari segi busana juga kita dapat lihat apabila watak Peran Tuan dan Peran Muda memakai baju melayu berseluar besar dengan pemilihan warna baju yang terang. Di sini dapat dibuktikan apabila Peran Tuan memakai baju melayu mempunyai corak petak-petak besar dengan memakai sampin dan jaket berwarna merah terang. Manakala, Peran Tua sejak memakai baju melayu berwarna biru terang dan memakai sampin warna ungu. Pemilihan warna baju watak Peran amat bersesuaian dengan wataknya secara tidak langsung menimbulkan elemen jenaka. Jelaslah bahawa, dengan penampilan fizikal mereka sudah cukup menimbulkan mood jenaka yang mampu mencuit hati penonton ketawa menonton dari awal persembahan hingga akhir persembahan.



Gambar 1: Busana dan Tatarias watak Peran sewaktu persembahan
Sumber: Istana Budaya, Kuala Lumpur

Selain itu juga, dapat dilihat apabila Peran Tua dan Peran Muda ingin menyampaikan titah Raja kepada Wak Nujum. Di dalam perjalanan mereka berdua ke rumah Wak Nujum, mereka telah melakukan pergerakan iaitu melompat untuk menyeberangi longkang. Dapat dilihat disitu pergerakan yang dilakukan oleh kedua-dua watak Peran itu sedangkan pada ketika itu tiada sebarang prop atau set longkang diatas pentas. Perbuatan tersebut telah dapat menarik minat penonton kerana perbuatan tersebut dikira jenaka.



Gambar 2: Aksi Peran Muda meniru gaya berjalan Wak Nujum
Sumber: Istana Budaya, Kuala Lumpur

Selain itu juga, pergerakan yang menunjukkan watak Peran melakukan pergerakan slapstik ialah ketika Peran Tua bersepakat dengan Peran Muda untuk meminta wang daripada raja dimana Peran Muda telah melakukan aksi seperti seseorang yang telah meninggal dunia iaitu jenazah yang boleh berjalan masuk ke dalam istana raja.


Seterusnya, dapat dikenal pasti apabila watak Peran yang dilakukan oleh Issey yang telah melompat dari batu yang tinggi dan jatuh dalam keadaan kaki sebelah ke lantai dan sebelah lagi terangkat. Perbuatan itu telah menimbulkan kelucuan terhadap penonton yang datang. Ini kerana, perbuatan yang dilakukan itu jarang sekali dilakukan oleh pelakon-pelakon yang bukan membawa watak yang berunsurkan komedi.



Gambar 3: Peran menunjukkan ekspresi geram terhadap Wak Nujum
Sumber: Istana Budaya, Kuala Lumpur

Selain itu, mimik muka yang telah ditunjukkan oleh Peran Muda ialah ketika dia bersama Peran Tua ke rumah Wak Nujum dan ketika berlaku aksi bersalam, Peran Tua telah ulang alik untuk bersalam dengan Wak Nujum tetapi Wak Nujum tidak nampak akan Peran Muda. Peran Muda berasa geram lalu menunjukkan aksi mimik muka garang terhadap Wak Nujum lalu berasa takut dan terus bersalam dengan Peran Muda. Aksi tersebut telah membuatkan penonton ketawa atas gelagat yang ditunjukkan oleh Peran Tua yang telah menunjukkan ekspresi wajah geram sambil membuka mulut bagi menakutkan Wak Nujum.

Rumusan elemen jenaka watak Peran dalam Persembahan Teater Tradisional Makyung



Rajah 2: Rumusan elemen jenaka watak Peran dalam Persembahan Teater Tradisional Makyung

Rumusan yang pertama adalah mengenai jenis elemen jenaka dalam watak Peran iaitu Busana dan Tatarias. Melalui kajian ini, pengkaji dapat memerihalkan dan merumuskan bahawa busana dan tatarias sangat penting yang dilihat secara fizikal apabila Peran berada diatas pentas. Tugas seorang peran adalah pemegang kunci cerita, penasihat raja dan pengasuh raja. pemakaian busana dan tatarias watak Peran berbeza dengan watak lain dan terselitnya elemen jenaka dari segi pakaiannya yang ingin disampaikan kepada penonton.

Rumusan kedua adalah aksi dan pergerakan. Pengkaji mendapati aksi dan pergerakan. Pergerakan dan lakonan yang dibentuk oleh Peran di dalam Mak Yong Raja Besar Maha Gading ialah pergerakan yang besar dan komedi fizikal. Elemen elemen slapstik telah diterapkan di dalam persembahan Mak Yong ini. Watak Peran Muda yang dilakonan oleh Issey Fazlisham dan Peran Tua yang dilakonan oleh Romli Mak Rock sangat menjadi dan ianya mahir mengaplikasikan elemen slapstik di dalam lakonan tersebut. Kedua pelakon ini telah berjaya mengetengahkan fizikal humour dari aspek lakonan, pengucapan dan mimik muka sepanjang persembahan berlangsung.

Rumusan Ketiga adalah pengucapan Dialog. Pengkaji mendapati dialog yang telah dilontarkan oleh Peran Tua itu sangat bersahaja dan telah menimbulkan kelucuan disitu kerana perkataan tersebut jarang sekali didengari di pentas dan perkataan tersebut juga lucu kerana ianya tidak sesuai diucapkan oleh Peran Tua kerana faktor umurnya yang sudah tua. Jelaslah bahawa, kepentingan elemen jenaka dalam pengucapan dialog amat besar kerana menjadi induk dalam jenis elemen jenaka. Kesannya terhadap persembahan Makyung Watak Peran perlu bijak kerana ia juga berperanan sebagai pemegang kunci cerita dalam persembahan ini supaya struktur persembahan ini terjaga dan tidak terpesong daripada struktur yang asal.

Rumusan yang terakhir adalah ekspresi wajah. Pengkaji mendapati, mimik muka menjadi salah satu kepentingan elemen jenaka seorang watak Peran Tua yang dilakonan oleh Mat Rock juga sudah menampakkan komedi kerana wajahnya yang berkedut dan tua. Antara aksi yang dilakukan oleh Peran Tua ialah membuat muka kesian setelah dimarah oleh raja kerana tidak mengikut arahan yang dititahkan oleh raja untuk mencari Peran Muda dengan segera. Dengan mimik muka yang ditunjukkan itu telah membuat penonton ketawa kerana aksi yang dilakukannya itu tidak sepadan dengan umurnya yang sudah tua itu.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian mengenai peranan watak peran dalam Pementasan Teater Tradisional Makyung masih perlu dipergiatkan kerana kajian mengenai watak peran ini kurang mendapat perhatian oleh para penyelidik yang lain. Hasil daripada kajian ini menunjukkan banyak kajian telah dijalankan mengenai elemen persembahan dalam persembahan Teater Tradisional Makyung, set dan prop dalam persembahan Teater Tradisional Makyung, busana dalam persembahan Teater Tradisional Makyung, dan tarian mengadap rebab dalam persembahan Teater Tradisional Makyung. Berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan juga dapat disimpulkan, kajian mengenai peranan watak peran dalam pementasan Teater Tradisional Makyung kurang diberikan perhatian oleh para penyelidik.

Hasil daripada kajian ini, pengkaji berjaya menjawab keseluruhan objektif kajian didalam kajian ini iaitu peranan watak peran dalam Teater Tradisional Makyung iaitu peranan berperanan sebagai penasihat raja, pengasuh raja, pemegang kunci cerita, tulang belakang dalam persembahan dan elemen Jenaka dalam watak Peran iaitu busana dan tatarias, pengucapan dialog, aksi dan pergerakan, dan ekspresi wajah. Diharapkan kajian ini sedikit sebanyak akan memberikan sumbangan kepada golongan sarjana dan masyarakat mengenai peranan watak peran dalam persembahan Teater Tradisional Makyung. Oleh itu, disebabkan kajian ini kurang mendapat perhatian ini membuka peluang dan memberikan idea kepada penyelidik pada masa akan datang.

RUJUKAN

- [1] A.S Hardy Shafi. (2015). Makyung: Perspectives on Malaysia's traditional theatre. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [2] Auley, M. G. (2006). Space in performance: Making meaning in the theatre.
- [3] Cohen, R. (1988). Theatre brief version Second edition, California: Mayfield Publishing Company.
- [4] Ghulam Sarwar Yousof. (1992). Panggung Semar: Aspects of traditional Malay theatre. Petaling Jaya: Tempo Publishing.
- [5] Habsah Mohd Noordin. (1999). Mak Yong Kelantan: Satu kajian estetika seni. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- [6] Hamidah, Yaacob. (1982). Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Tradisional Kelantan Hatta Azad Khan. (2013). Teater, filem dan pengurusan seni. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka,
- [7] Mohd Effindi Samsuddin, (2011). Teater Melayu Mak Yong: Kajian kreativiti koreografi. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- [8] Mohamed Ghouse Nasaruddin. (2003). Teater tradisional Melayu. Ampang: Dawama Sdn. Bhd.
- [9] Noordin, H. M. (1999). Makyung Kelantan: Satu kajian estetika seni. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- [10] Padilah Haji Ali. (2009). Dewan hudaya. Ampang: Dawana Sdn. Bhd.
- [11] Rahimi Razali. (2011). Makyung: Warisan mistik Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan.

- [12] Rahimidin Zahari. (2011). Makyung: Warisan mistik Malaysia. Wangsa Maju: Institut Terjemahan.
- [13] Rahimidin Zahari. (2013). Pentas. Kuala Lumpur: Dawana Sdn. Bhd.
- [14] Rahmah, Bujang. (2005). Makyung Perspectives on Malaysia's Traditional Theatre.
- [15] Rosdeen Suboh. (2005). Peran Melayu: Pelakon dan watak. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- [16] Sabri Mohd Zain. (1997) Majalah Budaya. Makyung Ritual dan Hiburan.Samsuddin,
- [17] M. F. (2012). Teater Melayu Makyung. Kajian kreativiti koreografi. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- [18] Siti Azirah Abd. Aziz. (2009, 9 Januari Jumaat). Makyung Raja Besar Senyanya kekalkan keaslian makyung slapstick. Washington: Suny Press.
- [19] Tan Sri Mubin, Sheppard. (1974). Ma 'yong - The Malay Dance Drama.
- [20] Tradisional, P. T., & Awa. (1970, January 1). Makyung. Dipetik daripada <http://awal112teatertradisional.blogspot.com/2011/10/mak-yung2.html>.
- [21] Trabair, L. (2012). Comedy of philosophy, the sense and nonsense 1 early cinematic. Washington: University of Michigan Press.
- [22] Wahab, Abdul. (2011). Hakikat Peran Makyung.
- [23] William P. Malm. (1974). Traditional Drama and Music of Southeast Asia. The Music Of Malaysians Ma'yong.
- [24] Yousof, G. S. (1976). The Kelantan Makyung dance theatre: A study of performance structure. Manoa: University of Hawaii.

